

31/08/2003

Melayu usah ambil mudah (HL)

Veena Rusli

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan Hari Kebangsaan terakhirnya sebagai Perdana Menteri malam tadi, menyampaikan satu persatu pesanan kepada orang Melayu agar pemikiran mereka tidak dijajah semula dan kekal sebagai bangsa yang menerajui pemerintahan Malaysia.

Sambil memohon keizinan untuk berucap lebih panjang berbanding biasa dan meminta maaf kerana perutusan kali ini lebih bertumpu kepada masalah Bumiputera, orang Melayu dan Islam, Dr Mahathir menekankan kesanggupan semua kaum berkongsi nikmat secara bijak adalah kunci yang mengekalkan kemerdekaan hampir lima dekad negara.

Perdana Menteri turut menyingkap punca kegagalan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan berpesan kepada orang Melayu supaya tidak mengambil jalan mudah untuk berjaya, di samping menolak tanggapan ilmu ghaib dan doa semata-mata boleh membantu mereka.

Anak bangsa, tegasnya, perlu bercita-cita besar, menguasai ilmu termasuk bijak berbahasa Inggeris, memiliki disiplin tinggi dan tidak mudah patah semangat, terutama pada ketika Malaysia kini sudah menjadi negara separuh maju.

"Saya pohon maaf jika ucapan ini lebih bertumpu kepada masalah Bumiputera, orang Melayu dan Islam. Sebabnya ialah kerana pembangunan mereka belum sama dengan kaum lain.

"Saya harap bukan Bumiputera tidak akan kecewa dengan nada dan tumpuan ucapan ini. Jika berkesanlah pesanan ini, semua kaum akan mendapat faedah daripadanya," katanya dalam perutusan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 yang disiarkan secara langsung menerusi radio dan televisyen, malam tadi.

Untuk berjaya, kata Perdana Menteri, golongan Bumiputera perlu mengikis sikap buruk seperti kurang sabar, inginkan sesuatu dengan mudah dan tamak yang banyak membelenggu pencapaian mereka selama ini.

Selepas 33 tahun DEB dilaksanakan, Dr Mahathir berkata, Bumiputera hanya mencapai 19 peratus berbanding 30 peratus sasaran asal dan mereka yang kurang senang dengan kegagalan itu menyalahkan kerajaan sambil mendesak peruntukan berkenaan diserahkan kepada Bumiputera.

"Pada hari yang bermakna ini, hari kita merdeka dan berkuasa mengurus hal ehwal kita sendiri, marilah kita akui kesalahan kita Bumiputera khususnya dan kita betulkan kesalahan ini. Kita boleh, kita boleh seperti orang lain boleh.

"Jika kita tekun, sabar, tidak mencari jalan mudah, percayalah, kita boleh berjaya seperti orang lain berjaya. Orang lain juga salah tetapi agak lebih sukar menyuruh orang lain membetulkan diri supaya kita mendapat untung," katanya.

Perdana Menteri berkata, tiada ilmu kebal atau ghaib yang boleh menjamin kejayaan, sebaliknya ia bergantung kepada usaha dan persediaan seperti dilakukan Nabi Muhammad ketika menyebarkan ajaran Islam dan rakyat negara ini iaitu Datuk Azhar Mansor yang belayar keliling dunia bersendirian serta Datuk Malik Mydin yang berenang sejauh 58 kilometer merentasi Selat Inggeris.

Beliau turut menegur golongan yang berpendapat tidak perlu berterima kasih kepada sesiapa atas nikmat yang diterima dan menyifatkan mereka cuma mengutamakan kepentingan diri, sekali gus mendorong masyarakat menjadi tamak serta tidak bertamadun.

"Inilah masyarakat yang tidak Islam. Mereka yang mengembang dan memupuk

sifat tidak berterima kasih ini mengkhianati Islam dan umat Islam. Jika orang Islam berpegang kepada ajaran Islam sebenar, yang tidak diputar belit oleh orang berkepentingan, orang Islam tetap maju dan berjaya dalam semua bidang.

"Tetapi ramai daripada kita tidak mengamalkan ajaran Islam. Apabila kita tidak sabar untuk kaya cepat dan menjual hak kita, nama kita, maruah bangsa kita, agama kita, sudah tentu kita gagal dan rugi.

"Mungkin pada mulanya menjual hak kita akan memberi keuntungan segera pada kita, menjual agama memberi kemenangan politik kepada kita tetapi akhirnya kita pasti rugi. Yang menjual agama kerana kepentingan tertentu berdosa kerana membawa kecelakaan kepada orang Islam, menjadikan mereka lemah, tertindas dan dihina bersama agama mereka.

"Apabila ada yang menghalang penguasaan ilmu kerana kononnya agama tidak menyuruh belajar ilmu yang mereka cap sebagai sekular, orang Islam akan menjadi bodoh dan mudah dikuasai orang lain, sekali gus menyebabkan orang Islam dan agama Islam rugi besar," katanya.